 Moss, G. (Ed.). 1995. *The basics of special needs*. London: Routledge.
 Waldon, K. A. 1996. *Introduction to special education: the inclusive classroom*. New York: Delmar Publishers.
 Westwood, P. 1993. *Common sense methods for children with special needs: strategies for the regular classroom*. London: Routledge.

GGGB6463 Seminar Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan mengkaji pelaksanaan perkhidmatan pendidikan dan pemulihan populasi berkeperluan khas di Malaysia. Kursus ini akan meninjau dasar dan prinsip dalam pendidikan khas. Pelajar juga mengkaji isu-isu pengurusan dan pentadbiran pendidikan khas. Pelajar dikehendaki membuat tinjauan spesifik model-model pelaksanaan program-program pendidikan khas secara global, melihat dan membuat penyesuaian dengan mengambilira pembolehubah-pembolehubah tempatan. Kursus ini juga akan menekankan kefahaman pelajar terhadap penyesuaian konsep integrasi, inklusif dan program-program pemulihan dalam komuniti dalam usaha untuk membina masyarakat Malaysia yang penyayang dan perhatian terhadap komuniti orang kurang upaya (OKU).

GGGB6463 Special Education Seminar

This course aims to understudy the implementation of educational and remedial services for population with special needs in Malaysia. This course explores the policies and principles of managing and administrating special education. Students are required to look at specific global special education practices and make adaptations to suit our local needs. Great emphasis is given on the concept of integration, inclusive education, community based rehabilitation and developing a caring society.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Boss, C. S & Vaughn S. 2001. *Strategies for teaching students with learning and behavioral problems*. (5th ed) Pearson Allyn & Bacon: New York.

- Delisle, J; Galbraith, J & Espeland, P. 2002. *When gifted kids don't have all the answers: how to meet their social and emotional needs.* Free Spirit: New Jersey.
- Dierangelo, R. 2000. *A survival kit for special education teachers.* Prentice Hall: London.
- Levine, M. 2003. *A mind at a time.* Simone & Schuster: New York.
- Mooney, J. 2002. *Learning outside the lines: two ivy league students' with LD and ADHD give you the tools.* Fireside: New York.

GGGB6823 Kolaborasi dan Konsultansi dalam Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan menyediakan pengetahuan dan kemahiran tentang amalan kolaborasi antara keluarga, profesional, guru dan agensi khidmat sokongan yang terlibat dengan orang-orang keperluan khas. Perbincangan kursus ini melibatkan (a) takrifan konsultansi dan kolaborasi dari segi latar belakang, teori, kajian dan struktur (b) strategi membentuk kolaborasi dan (c) model-model kolaborasi. Pelajar juga akan didedahkan kepada isu-isu semasa yang berkaitan dengan kolaborasi dan konsultansi.

GGGB6823 Collaboration & Consultation in Special Education

This course aims to prepare students with the knowledge and skills on the concept of collaboration between families, professionals, teachers and support service agencies directly related to people with special need. Deliberations will cover (a) definition of consultation and collaboration in terms of the background, theory, research and structure (b)strategies in establishing collaboration (c) collaboration models. Students will also be exposed to current issues related to collaboration and consultation.

Bacaan Asas/ Basic Reading

- Dettmer, P., & Thurston, L.P. Knackendoffel, A. & Dyck, N. 2009. *Consultation, collaboration, and teamwork for students with special needs.* Ed. Ke-6. Boston: Merrill Pub.
- Fried, M. & Cook, L. 2010. *Interaction : Collaboration skills for school professionals.* Ed. Ke-6. Boston : Merrill Pub.
- Gleckel, E. & Koretz, E., 2008. *Collaborative individualized education process: RSVP to IDEA.* Boston : Merrill Pub.
- Kampwirth, T. 2006. *Collaborative consultation in the schools.* Ed. Ke-3. Boston : Merrill Pub.
- Kochhar-Bryant, C. 2008. *Colloboration and system coordination for students with special needs: from early childhood to the postsecondary years.* Boston : Merrill Pub.

GGGB6843 Program Transisi Untuk Pelajar Berkeperluan Khas

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap amalan dan isu-isu dalam merancang dan melaksanakan program transisi bagi pelajar berkeperluan khas. Perbincangan dalam kursus ini memberi tumpuan terhadap kepentingan program transisi ini dalam memberi peluang kepada pelajar berkeperluan khas diberi latihan dalam bidang yang sesuai dengan kategori keperluan khas, dan seterusnya membuka peluang untuk bekerja dan berdikari selepas tamat sekolah. Selain itu aspek yang penting dalam menjamin kejayaan program transisi ini turut dibincangkan iaitu kolaborasi antara agensi, sekolah, ibu bapa dan komuniti.

GGGB6843 Transition Program for Students with Special Need

This course aims to expose to the students the practices and issues of planning and implementing transition program for the special needs students. The discussion will be focusing on the importance of transition program to give the opportunities to the special needs students to be trained in areas that are suitable to their categories, and to be able to work on their own after graduate from school. Collaboration between agencies, schools, parents and community is also discussed as it is a crucial aspect to ensure the success of the transition program.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Brolin,D.E. &Lyod, R.J.2004. *Career Development and transition services: A functional life skills approach*. 4th Ed. USA :Pearson Prentice Hall.
- Kochhar-BryantC. A. & Greene G. 2008. *Pathways to Successful Transition for Youth with Disabilities: A Developmental Process*. 2nd Ed. Columbus, OH : Merril/ Prentince Hall.
- Michael, J. & Hardman, L. 2010. *Successful Transition Programs: Pathways for Students With Intellectual and Developmental Disabilities*. 2nd Ed. USA :SAGE Publication
- Sitlington, P. L.&Clarck, G. M. 2009. *Transition education and services for students with disabilities*. 5th Ed. Boston : Pearson/Allyn and Bacon.
- Test, D. W., Aspel, N.P.& Everson, J.M. 2006. *Transition methods for youth with disabilities*. Upper Saddle River, N.J. : Merrill/Prentice Hall.

GGGB6873 Penaksiran dan Penilaian dalam Pendidikan Khas

Kursus ini membincangkan teori-teori yang mendasari amalan penaksiran dan penilaian dalam pendidikan khas. Para pelajar akan dilatih dengan kemahiran untuk mentadbir secara menilai beberapa alat penaksiran untuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas. Kursus ini juga membincangkan prosedur biasa yang digunakan untuk menyaring, merujuk, dan mengkategorikan pelajar-pelajar berkeperluan khas. Peraturan serta

etika amalan penaksiran dan penilaian pelajar khas juga akan diperbincangkan. Turut diperkenalkan ialah kaedah penaksiran berdasarkan kurikulum serta pelbagai implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran hasil dari penaksiran dan penilaian yang dijalankan.

GGGB6873 Assessment and Evaluation in Special Education

This course delineates theories underlying the practice of assessment and evaluation in special education. Students will be trained in the skills in administering as well as assessing several instruments for evaluating children with special needs. Discussions will involve procedures used in filtering, referring and categorising pupils with special needs apart from deliberating on rules and ethics in assessment and evaluation. Students will also be introduced to curriculum-based valuation technique as well as the implications on the teaching and learning process.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Hanna, G.S. & Dettmner, P. 2003. *Assessment for effective teaching. Using context-adaptive planning.* Boston : Allyn & Bacon.
- Howell, K. & Nolet, V. 2000. *Curriculum-based evaluation : Teaching & decision making.* Manhattan : Wadsworth..
- Mc Lean, M.E. Wolery, M. & Bailey, D.M. 2003. *Assessing infant and preschool with special needs.* New Jersey : Prentice hall.
- Taylor, R.L. 1999. *Assessment of exceptional students : Educational and psychological procedures.* Boston : Allen & Bacon.
- Pierangelo, R. & Giuliani, G. A. 2002. *Assessment in special education : A practical approach.* Boston: Allyn & Bacon.

Kursus Pilihan/ Elective Courses

GGGB6473 Ketidakupayaan Pembelajaran: Membaca

Kursus ini mengandungi dua komponen penting iaitu perbincangan tentang proses penguasaan membaca dan ketidakupayaan membaca. Tumpuan komponen pertama adalah terhadap maksud dan model-model membaca, analisis tugas kemahiran-kemahiran membaca, pengurusan kesuaianbacaan, ujian-ujian bacaan dan kaedah-kaedah membaca. Komponen kedua tertumpu hubungan antara perkembangan manusia dan persekitaran dengan kanak-kanak sebagai punca keperluan-keperluan khas. Masalah “labelling” dan klasifikasi dalam pendidikan khas diberi tumpuan.

GGGB6473 Learning Disabilities: Reading

This course consists of two components: discussion on the process of reading acquisition and reading difficulties. Focus of the first component is on the definition and reading models, task analysis on reading skills, readability management, reading tests and methods of reading. The second component focuses on the relationship between human development and environment with children as sources to development of special needs. Issues on labeling and classification in special education is also emphasized.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Cain, K. 2010. *Reading development and difficulties*. Chichester, West sussex : BPS Blackwell.
- Crewley, S. J. 2012. *Remediating reading diffulties*. 6th Ed. New York : McGraw-Hill.
- Harison Mohd Sidek. 2010. *Reading instruction : Theory nd practise*. Negeri Sembilan : USIM's Publisher Islamic Science University of Malaysia
- Reutzel, D. R. & Cooter, R. B., Jr. 2011. *Strategies for reading assessment and intruction : Helping every child succeed*. 4th Ed. Boston, Mass : Pearson.
- Yahya Othman. 2008. *Proses dan strategi membaca berkesan*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

GGGB6493 Masalah Pendengaran, Pertuturan dan Bahasa

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan terhadap masalah kemahiran berkomunikasi dengan tumpuan ke atas masalah pendengaran, pertuturan dan bahasa. Penekanan kursus adalah terhadap aspek-aspek penilaian, masalah kemahiran berkomunikasi, mengimplementasikan strategi-strategi pemulihan dan bekerjasama dengan ahli profesional lain yang ada kaitan dengan perkhidmatan kepada individu-individu yang mengalami masalah dalam kemahiran komunikasi.

GGGB6493 Hearing, Speech and Language Difficulties

This course is an introduction to the difficulties in communication skills with special focus given on hearing, speech and language difficulties. Emphasis will be given on aspects of evaluation, problems in communication skills, implementation of helping strategies and working with other professionals who can offer services to individuals facing difficulties in communication skills.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Laroy, C. 1995. *Pronunciation*. Oxford: Oxford University Press.
- Miller, W. 1995. *Alternative assessment techniques for reading and writing*. New York: Prentice-Hall.
- Munay, P.T. 1995. *Hooked on books: activities and projects that make kids love to read*. New York: Prentice-Hall.

Reason, R. & Boote R. 1995. *Helping children with reading and spelling*. London: Routledge.

GGGB6793 Pengurusan Tingkah Laku dalam Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada bentuk dan masalah-masalah tingkah laku. Teori-teori dan model-model pendekatan pengurusan tingkah laku akan dibincangkan seperti teori psikoanalisis, teori kemanusiaan, kognitif dan tingkah laku. Pelajar akan didedahkan kepada kemahiran-kemahiran menguruskan tingkah laku pelajar dengan menggunakan teknik-teknik pengubahsuaian pengurusan tingkah laku berasaskan model dan teori yang dibincangkan.

GGGB6793 Behavior Management in Special Education

This course aims to introduce to students on the forms and problems in behaviors. Theories and models on behavioral management approaches will be discussed such as the psychoanalysis and humanity theories, cognitive and behaviors. Students will be exposed to skills in utilising techniques in modifying student behavior using behavioral management based on the models and theories.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Martin, G & Pear, J. 2003. *Behavior modification. What it is and how to do it*. Ed, ke – 7. New Jersey: Prentice-Hall.
- Melloy, K.J, & Zirpoli, T.J. 2001. *Behavior Management, application for teachers*. Ed. Ke-3. New Jersey: Prentice Hall.
- Miltenberger, R.G. 2001. *Behavior modification : Principles and Procedures*. Ed. Ke-2. Belmont, CA : Wadsworth.
- Tauber, R.T 1999. *Classroom management, sound theory and effective practice*. London: Bergin & Garvey.
- Walkers, J.E & Shea, T.M. 1999. *Behavior management: A practical approach for educators*. Ed. Ke-7. New Jersey: Merrill Prentice Hall.

GGGB6813 Kerja Lapangan Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan mengorientasikan pelajar kepada budaya kerja profesionalisme dalam bidang pendidikan khas. Melalui kursus ini pelajar meninjau pendekatan mengenai perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian terhadap berbagai program pendidikan khas. Penekanan kursus juga meliputi pendekatan dan perkhidmatan dalam bidang-bidang yang berkaitan dalam pendidikan khas. Pelajar memilih satu bidang yang berkaitan dalam pendidikan khas dan akan ditempatkan di pusat yang dikelolakan oleh pakar secara professional, berstruktur dan bersistematik samada di badan kerajaan, badan berkanun, swasta atau NGO. Pelajar akan diselia, membuat refleksi dan membentang laporan hasil kerja lapangan dalam seminar di akhir kursus.

GGGB6813 Special Education Field Work

This course is an orientation in the professional work culture in special education. Throughout this course, deliberations will concentrate on the planning, implementation, supervision and evalution of special education program, with special emphasis on approaches and services in related areas in special education. Students are to choose one relevant area within special education and will be placed in the relevant centres, professionally run by government/private/NGOs . Students undergoing the fieldwork will be supervised and are required to reflect, prepare reports and present it in a seminar at the end of the course.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Cipani, E., & Spooner, F. 1994. *Curriculur & Instructional approaches for persons with severe disabilities*. Boston, MA: Allyn & Bocon.
- Borich, G. 2006. *An educator's guide to field - based observations*. Houghton Mafflin.
- Lewis, R.B., & Doorlag, D.H. 1999. *Teaching special students in general education classrooms*. Columbus, OH: Merrill.
- Meese, R.L. 2001. *Teaching learners with mild disabilities: integrating research and practise*. Belmont, CA: Wadsworth/Thomson.

GGGB6833 Teknologi dalam Pendidikan Khas

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan tentang penggunaan teknologi dalam pendidikan khas. Kursus ini juga menekankan tentang peranan teknologi bantuan (assistive technology) bagi menampung keperluan kanak-kanak berkeperluan khas. Penekanan juga berkisar kepada bentuk teknologi, perancangan penggunaan teknologi, ciri-ciri dan aspek teknologi pendidikan dan perkhidmatan sokongan yang perlu ada.

GGGB6833 Technology in Special Education

This course deliberates on the application of technology in special education. This course emphasizes on the role of assistive technology to support special children's need. Emphasis is on in technology forms and type, planning technology use, characteristics of educational technology and requirement for support service.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Bender, R.L. & Bender, W. N. 1996. *Computer-assisted instruction for students at risk for ADHD, Mild Disabilities, or academic problems*. Boston : Allyn & Bacon.
- Bryant, D. P & Bryant B. R. 2003. *Assistive technology for people with disabilities*. Boston : Allyn & Bacon.
- King, T. W. 1999. *Assistive technology : Essential human factors*. Boston : Allyn & Bacon
- Male, M.2003. *Technology for inclusion : Meeting the special needs of all students*. Ed. Ke-4. Boston : Allyn & Bacon.

Norton, P. & Wilburg, K. M. 2003. *Teaching with technology. Designing opportunities to learn.* Ed. Ke-3. Belmont, CA: Wadsworth.

GGGB6853 Intervensi Awal Kanak-Kanak Berkeperluan Khas

Kursus ini membincangkan tentang perkhidmatan intervensi awal kepada kanak-kanak kepeluan khas sejak dari bayi hingga peringkat umur pra sekolah. Tajuk-tajuk yang dibincangkan merangkumi akta dan polisi pendidikan awal kanak-kanak keperluan khas, penaksiran, kolaborasi dan transisi dalam intervensi awal. Penekanan juga diberikan kepada peranan ibubapa dan keluarga dalam program intervensi awal serta model kolaborasi program intervensi awal dengan profesional yang terlibat secara langsung dengan kanak-kanak keperluan khas.

GGGB6853 Early Intervention for Special Needs Children

This course deliberates on early intervention for special need children from infancy to pre-school age. Topics covered will be on acts and policies in early education for special children, evalutaion, collaboration as well as transition in early intervention. Emphasis will be given on the roles of parents and families besides models of collaboration with other professionals directly involved with special needs children.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Allen, K.E. & Schwartz, I.S. 2001. *The exceptional child : Inclusion in early childhood education.* Ed. ke-4. Delmar: Thompson Learning.
- Blasco, P.M. 2001. *Early intervention services for infants, toddlers and their families.* Boston : Allyn & Bacon.
- Cook, R.E. Tessier, A. & Klein, M.D. 2000. *Adapting early childhood curriculam in inclusive setting.* Ed. ke-5. New Jersey : Prestice Hall.
- Howard, V.F. Williams, B.F. & Port P.D. 2001. *Very young children with special needs: a formative approach for the 21st Century.* Ed. ke 2. New Jersey : Prentice Hall.
- Lerner, J.W., Lowenthal, B. & Egan. R.W. 2003. *Preschool children with special needs: Chidren at risk, children with disabilities.* Boston : Allyn & Bacon.

GGGB6863 Kajian Pintar Cerdas dan Berbakat

Kursus ini akan membincangkan falsafah serta sejarah yang mendasari pendidikan untuk pelajar-pelajar pintar cerdas dan berbakat. Perbincangan juga meliputi ciri-ciri serta keperluan pembelajaran dan keperluan emosi pelajar-pelajar tersebut. Turut dibincangkan ialah kaedah untuk mengenalpasti pelajar-pelajar pintar cerdas dan berbakat. Peserta kursus akan diperkenalkan kepada kaedah-kaedah pengajaran yang mengambilkira keperluan pembelajaran serta keperluan perkembangan pelajar-pelajar

berkenaan. Turut dibincangkan ialah pelbagai pilihan program pendidikan yang boleh dirancang untuk pelajar pintar cerdas dan berbakat di sekolah, dan pilihan program yang boleh diperolehi di luar sekolah.

GGGB6863 A Study on the Gifted and Talented

This course will discuss on the philosophical and the historical foundation of gifted education. The learning and the emotional characteristics of gifted students as well as the methods for identification of gifted and talented students will be discussed. Students will be introduced to various teaching approaches and methods which take into consideration gifted students' learning needs and their development. Discussions will also include various options of educational programs that could be planned for gifted and talented students which could either be within or out of the school system.

Bacaan Asas/ Basic Readings

- Clarck, B. 1997. *Growing up Gifted*. Ed. ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Colangelo, N, & Davis, G.A. 2003. *Handbook of Gifted Education*. Ed. Ke-3. Boston: Allyn & Bacon.
- Davis, S. & Rimm, S.B. 2004. *Education of the gifted and talented*. Ed. Ke-5. Boston: Allyn & Bacon.
- Delise, J.R. 2000. *Once upon a mind: The stories and scholars of gifted education*. Fort Worth: Harcourt Brace.
- Piirto, J. 1999. *Talented children and adults; their development and education*. Ed. ke- 2. Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Wallace, B., & Eriksson, G. 2006. *Diversity in gifted education: International perspective on global issues*. Oxon: Routledge.

**Peraturan-peraturan Program
Sarjana Pendidikan
dan
Doktor Falsafah**

***Programme Rules and Regulations
Masters of Education
and
Doctor of Philosophy***

1. Syarat Kemasukan

- 1.1 Kelayakan minimum bagi permohonan mengikuti program Sarjana Pendidikan ialah:
 - (a) Ijazah Sarjanamuda Pendidikan dengan Kepujian dari UKM atau Ijazah Sarjanamuda Pendidikan dengan Kepujian dari institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat, atau
 - (b) Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian dari UKM atau Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat.
 - (c) Kelulusan dan kelayakan lain yang setaraf dengan kelulusan (a) atau (b) yang diiktiraf oleh Senat;
 - (d) Pelajar luar negara yang akan menulis tesis dalam Bahasa Inggeris perlu memenuhi skor minimum TOEFL (550) atau IELTS band 6.5. Pemohon bagi kursus modul TESL perlu memenuhi skor minimum TOEFL 600 atau IELTS band 7.5.
- 1.2 Kelayakan minimum bagi permohonan mengikuti program Doktor Falsafah ialah:
 - (a) Ijazah Sarjana Pendidikan dari UKM atau Ijazah Sarjana Pendidikan dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat, atau
 - (b) Ijazah Sarjana dari UKM atau Ijazah Sarjana dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat serta mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan sekurang-kurangnya selama satu tahun, atau
 - (c) Sedang mengikuti Program Sarjana Pendidikan di UKM dan diperakui oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menukar status kepada program Doktor Falsafah.
 - (d) Pelajar luar negara yang akan menulis tesis dalam Bahasa Inggeris perlu memenuhi skor minimum TOEFL (550) atau IELTS band 6.5. Pemohon bagi kursus modul TESL perlu memenuhi skor minimum TOEFL 600 atau IELTS band 7.5.

2. Proses Permohonan

- 2.1 Kemasukan calon Sarjana adalah pada tiap-tiap semester tahun akademik dan permohonan hendaklah dibuat tidak lewat daripada tiga bulan sebelum permulaan semester tersebut.
- 2.2 Permohonan hendaklah dibuat melalui borang atas talian dari sistem <http://guest.ukm.my/> yang telah ditetapkan dan disampaikan kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik. Di samping maklumat tentang latar diri, cadangan bidang kajian dan jenis program pengajian yang ingin diikuti perlu dinyatakan.

- 2.3 Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti Pendidikan akan membuat keputusan tentang penerimaan calon dan kemudian akan disampaikan kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik untuk tindakan selanjutnya.

3. Tempoh Pengajian

- 3.1 Program Sarjana Penulisan Tesis : Program A
- 3.1.1 Sepenuh masa: 2 hingga 6 semester (1 - 3 tahun)
 - 3.1.2 Separuh masa: 4 hingga 8 semester(2 - 4 tahun)
- 3.2 Program Sarjana Kerja Kursus dan Penulisan Tesis : Program B
- 3.2.1 Sepenuh masa: 2 hingga 4 semester (1- 2 tahun)
 - 3.2.2 Separuh masa: 4 hingga 8 semester (2 - 4 tahun)
- 3.3 Program Doktor Falsafah
- 3.3.1 Sepenuh masa: 6 hingga 12 semester (3 - 6 tahun)
 - 3.3.2 Separuh masa: 8 hingga 14 semester (4 - 7 tahun)
- 3.4 Calon boleh memohon pertukaran status pengajian dari sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya.
- 3.4.1 Contoh pengiraan bagi pertukaran tempoh pengajian sarjana dari sepenuh masa ke separuh masa dan sebaliknya
 - a. Sepenuh masa ke separuh masa

$$\frac{\text{Baki}}{\text{sepenuh masa}} = \left(\frac{\text{Sepenuh Masa}}{\text{Maksimum Sepenuh Masa}} \right) \times \left(\frac{\text{Maksimum Separuh Masa}}{\text{Separuh Masa}} \right)$$

- b. Separuh masa ke sepenuh masa

$$\frac{\text{Baki}}{\text{separuh masa}} = \left(\frac{\text{Separuh Masa}}{\text{Maksimum Separuh Masa}} \right) \times \left(\frac{\text{Maksimum Sepenuh Masa}}{\text{Sepenuh Masa}} \right)$$

4. Penangguhan Pengajian

Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memilih untuk menangguhkan rancangan pengajiannya selama tidak kurang daripada satu semester dan tidak melebihi daripada dua semester dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dalam tempoh empat minggu dari tarikh pendaftaran. Tawaran akan dibatalkan sekiranya calon tidak memohon untuk menangguhkan pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

5. Pendaftaran

- 5.1 Calon yang telah diterima masuk perlu membayar segala yuran dan mendaftar pada awal tiap-tiap semester sepanjang tempoh pengajian.

Calon tidak dibenarkan mendaftar selepas 4 minggu pertama semester/seси bermula, kecuali calon yang memilih penulisan tesis sahaja. Calon yang tidak mendaftar pada satu-satu semester/seси tanpa kebenaran untuk menggantungkan pendaftaran boleh dibatalkan pendaftarannya sebagai seorang pelajar.

- 5.2 Calon yang telah menyerahkan tesis untuk pemeriksaan hendaklah mendaftar terus sebagai pelajar siswazah sehingga peperiksaan lisan tesisnya selesai tanpa dikenakan bayaran yuran.
- 5.3 Bentuk Pendaftaran
 - 5.3.1 Calon boleh memilih untuk mengikuti program secara sepenuh masa atau separuh masa dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.
 - 5.3.2 Calon separuh masa yang mengikuti pengajian secara penulisan tesis sahaja, perlu menjadualkan pertemuan dengan Penyelia atau Jawatankuasa Siswazah tidak kurang daripada dua puluh (20) jam pertemuan setiap semester.
 - 5.3.3 Calon yang bekerja dengan mana-mana majikan hendaklah membuktikan bahawa ia telah mendapat kebenaran mengikuti pengajian sepenuh masa atau separuh masa.
 - 5.3.4 Dalam keadaan tertentu calon boleh memohon kepada Dekan Fakulti Pendidikan untuk menukar pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya.
- 5.4 Penangguhan Pendaftaran Masuk
 - 5.4.1 Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftaran masuk untuk tempoh tidak kurang dari satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester.
 - 5.4.2 Permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh pendaftaran masuk.
 - 5.4.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatas.

6. Jenis Program Pengajian

- 6.1 Calon boleh memilih salah satu daripada jenis program pengajian berikut:
 - 6.1.1 Program A: penulisan tesis sahaja (untuk program Sarjana dan Doktor Falsafah).
 - 6.1.2 Program B: Kerja kursus dan tesis/praktikum (untuk program Sarjana)
 - 6.1.3 Program C: Kerja kursus Projek Penyelidikan (untuk program Sarjana)

- 6.2 Bagi calon yang mengikuti program 6.1.2 dan 6.1.3, untuk layak dikurniakan ijazah Sarjana Pendidikan calon mestilah memperolehi tidak kurang daripada 40 unit dan lulus semua peperiksaan yang ditentukan.

7. Pendaftaran Kursus

Calon hendaklah mendaftar kursus yang ditetapkan oleh program seperti berikut:

- 7.1 Pendaftaran Wajib iaitu pendaftaran kursus yang diperlukan untuk mendapat Ijazah. Kursus yang didaftarkan secara wajib akan dimasukkan dalam pengiraan untuk menentukan purata nilai gred (jika berkenaan) bagi pengajian calon. Pendaftaran wajib boleh terdiri daripada kursus wajib dan kursus elektif.
- 7.2 Pendaftaran Tanpa Gred iaitu pendaftaran kursus pra syarat secara tanpa gred, iaitu untuk mendapatkan keputusan umum berbentuk lulus atau kandas (L/K) sahaja. Kursus ini tidak diambil kira untuk menentukan purata nilai gred. Kursus tanpa gred masih dikira kreditnya dalam menentukan beban kerja kursus pada setiap semester (jika berkenaan).
- 7.3 Pendaftaran Audit iaitu pendaftaran kursus yang diikuti secara audit. Kursus ini tidak akan dikira untuk menentukan purata nilai gred dan umumnya tidak diambil kira sebagai memenuhi keperluan program untuk mendapatkan ijazah kecuali dinyatakan sebaliknya. Calon yang mengikuti kursus secara audit perlu memenuhi keperluan kursus.

8. Beban Kerja

- 8.1 Syarat Penerbitan

- 8.1.1 Syarat penerbitan bagi program Sarjana Pendidikan secara penyelidikan ialah :
- 1 (Satu)** artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/ISI/ER atau
 - Jurnal yang tersohor dalam bidang Pendidikan;
 - Telah diterima untuk penerbitan
- 8.1.2 Syarat penerbitan bagi program Doktor Falsafah ialah :
- 2 (Dua)** artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/ISI/ERA atau
 - Jurnal yang tersohor dalam bidang Pendidikan;
 - Telah diterima untuk penerbitan
- 8.1.3 Syarat penerbitan bagi program Sarjana Pendidikan secara kerja kursus dan penyelidikan (Mod B) dan kerja kursus (Mod C) ialah :
- 1 (Satu)** artikel dalam jurnal atau prosiding
 - Telah diterima untuk penerbitan

Semua penerbitan wajib ditulis bersama penyelia

8.2 Beban Kerja Kursus

Bagi calon yang mengikuti jenis pengajian 6.1.2 dan 6.1.3 (Program B dan Program C), jumlah unit kerja kursus yang dibenarkan seperti berikut :

- a) Bagi calon sepenuh masa, minimum dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus) hingga maksimum dua puluh (20) kredit atau lima kursus pada setiap semester;
- b) Bagi calon saparuh masa, tidak melebihi dua belas (12) kredit atau 3 kursus pada setiap semester.

8.3 Beban Kerja Penyelidikan dan Penulisan Tesis

Bagi calon yang mengikuti jenis pengajian 6.1.1(Penulisan Tesis sahaja), nilai unit minima yang mesti didaftarkan ialah sebanyak 6 unit setiap semester. Satu unit adalah setara dengan kerja penyelidikan tidak kurang daripada 50 jam setiap semester.

8.4 Pemilihan Kursus

Calon yang mengikuti kerja kursus hendaklah membuat pemilihan kursus-kursus yang hendak diambil setelah berunding dan mendapat nasihat daripada Penasihat Akademik/Penyelia.

8.5 Pendaftaran Kursus

Kursus-kursus yang perlu diikuti bagi sesuatu program pengajian hendaklah didaftarkan dalam masa 4 minggu dari tarikh permulaan sesuatu semester.

9. Keperluan Menghadiri Kuliah

- 9.1 Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan Fakulti Pendidikan telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah tidak mengikuti sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh fakulti.
- 9.2 Calon yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menggugurnya akan diberi gred E bagi kursus berkenaan.
- 9.3 Keputusan peperiksaan calon yang menghadiri kuliah dan mengambil peperiksaan sesuatu kursus yang tidak didaftarkan tidak akan diambilkira.

10. Tambah, Gugur kursus atau Tarik Diri

- 10.1 Calon boleh menambah dan mengugur kursus dalam tempoh empat (4) minggu pertama satu-satu semester.
- 10.2 Calon dibenar menarik diri kursus selepas minggu keempat (4) sehingga selewat-lewatnya pada minggu yang kesepuluh (10) dengan mendapat kelulusan Dekan Fakulti/Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dengan perakuan Pengarah Institut. Calon yang berbuat

demikian dianggap sebagai menarik diri dan akan diberikan gred TD dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred (jika berkenaan).

- 10.3 Calon yang disebut dalam subperaturan (10.2) diatas perlu menjelaskan semua bayaran yuran.
- 10.4 Proses tambah dan gugur kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap semester.
- 10.5 Calon yang mendaftar suatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon untuk menggugurkan kursus akan diberi gred E bagi kursus itu.

11. Pemindahan Kredit

- 11.1 Calon yang berpindah dari universiti luar yang diiktiraf oleh senat dan telah mengikuti kursus tertentu boleh memohon untuk memindahkan sebahagian daripada kredit yang telah diperoleh bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.
- 11.2 Calon yang terlibat dalam program mobiliti *outbound* boleh memohon untuk memindahkan kredit yang telah diperoleh bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.
- 11.3 Kursus setara yang telah diambil itu hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran masuk ke universiti.
- 11.4 Jumlah kredit maksimum yang boleh dipindahkan ialah sebanyak dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus dengan sekurang-kurangnya gred B atau setara dan tertakluk kepada bayaran pemprosesan.
- 11.5 Permohonan untuk pemindahan kredit hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti/Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik.
- 11.6 Gred untuk kredit yang dipindahkan akan diambil kira dalam pengiraan untuk menentukan purata nilai gred.

12. Tesis

- 12.1 Penulisan tesis mestilah asli, iaitu tidak merupakan tesis yang telah diserahkan kepada universiti lain. Jika sebahagian dari karya itu ingin diambil, penulis mestilah memasukkan sumber rujukan dengan jelas.
- 12.2 Jika dipersetujui oleh penyelia atau Jawatankuasa Pengajian Siswazah, calon boleh menerbitkan kertas-kertas tentang karyanya dalam masa beliau sedang menjalani program dengan syarat bahawa kertas-kertas itu hendaklah mengandungi penghargaan yang sepatutnya diberikan kepada universiti.
- 12.3 Sesuatu tesis Doktor Falsafah hendaklah tidak melebihi 100,000 perkataan. Tesis Sarjana yang dibuat tanpa kerja kursus hendaklah tidak melebihi 60,000 perkataan. Desertasi Sarjana bagi calon yang mengikuti kerja kursus hendaklah tidak melebihi 30,000 perkataan.

- Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, formula, jadual, gambar rajah dan sebagainya.
- 12.4 Kebenaran menulis tesis melebihi had panjang yang telah ditetapkan boleh diperolehi dengan memohon kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum mengemukakan tesis untuk diperiksa.
- 12.5 Tesis mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia dan hendaklah didahului dengan abstrak dalam Bahasa Malaysia dan diikuti terjemahan abstrak dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab. Dalam keadaan tertentu, tesis boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dan terjemahan abstraknya dalam Bahasa Malaysia. Permohonan untuk menulis dalam bahasa lain (Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab sahaja) hendaklah mendapat kelulusan daripada Dekan Fakulti/ Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dengan perakuan Pengarah Institut. Permohonan perlu dibuat secara bertulis selewat-lewatnya pada semester keempat pengajian bagi calon program Ijazah Kedoktoran dan semester kedua bagi calon program Ijazah Sarjana.
- 12.6 Peraturan-peraturan tentang penyediaan tesis adalah seperti yang terdapat di dalam buku Panduan Menulis Tesis Gaya UKM. Calon adalah dinasihatkan untuk mendapatkan buku panduan itu dan mengikuti peraturan-peraturan yang ada sepenuhnya.
- 12.7 Seseorang calon yang akan menyerahkan tesis hendaklah:
- 12.7.1 Memberitahu Dekan Fakulti secara bertulis 3 bulan sebelum menyerahkan tesis untuk diperiksa.
 - 12.7.2 Mendapat pengesahan bertulis daripada penyelia, penyelia utama dan penyelia bersama atau Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Siswazah terlebih dahulu.
 - 12.7.3 Sertakan abstrak tesis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang tidak melebihi 300 perkataan.
- 12.8 Tesis boleh diterbitkan setelah mendapat kebenaran dari Universiti.

13. Penyelia atau Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan Penasihat Akademik

- 13.1 Penyelia atau Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- 13.1.1 Calon yang menjalankan penyelidikan dan penulisan tesis akan dibimbing oleh Penyelia dan Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Pengajian Siswazah yang akan dilantik oleh Fakulti Pendidikan berpandukan cadangan daripada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti Pendidikan.
 - 13.1.2 Apabila dilantik Penyelia Bersama maka Penyelia Utama memikul tugas dan tanggungjawab yang lebih, manakala Penyelia Bersama menjadi pembantu kepada Penyelia Utama.

- 13.1.3 Jawatankuasa Pengajian Siswazah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk seorang Pengerusi. Bagi penilaian tesis, seorang ahli tambahan hendaklah dilantik dari luar jabatan tetapi bidang pengkhususannya berkaitan dengan pengajian calon.
- 13.2 Penasihat Akademik
Calon yang mengikuti kerja kursus akan dibimbing oleh sekurang-kurangnya seorang Penasihat Akademik yang dilantik oleh Dekan Fakulti. Penasihat Akademik bertanggungjawab menasihati calon tentang pengambilan kursus-kursus dan kemajuan calon semasa mengikuti kerja kursus. Penasihat Akademik boleh terus menjadi Penyelia, atau Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Pengajian Siswazah calon yang sama.
- 13.3 Status Penyelia atau Pengerusi Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan Penasihat Akademik
13.3.1 Penyelia atau Pengerusi Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan Penasihat Akademik mestilah terdiri daripada ahli-ahli akademik yang sedang berkhidmat di universiti ini.
13.3.2 Ahli akademik yang dipinjamkan ke tempat lain, berhenti dan bersara dari universiti atau individu dari institusi lain yang berkelayakan hanya boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Pengajian Siswazah dalam kes-kes tertentu berdasarkan perjanjian khas.
- 13.4 Penukaran Penyelia, Ahli Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan Penasihat Akademik
13.4.1 Jika kerana sesuatu sebab, Penyelia, Penyelia Bersama, ahli Jawatankuasa Pengajian Siswazah atau Penasihat Akademik yang dilantik tidak dapat menjalankan tugasnya, maka Dekan Fakulti Pendidikan hendaklah melantik seorang tenaga pengajar yang lain untuk menjalankan tugas itu bagi suatu tempoh yang dianggap perlu.
13.4.2 Jika perlu, calon boleh memohon menukar Penyelia atau Penyelia Bersama atau Penasihat Akademik yang dilantik dengan pilihan calon sendiri. Permohonan hendaklah dibuat kepada Dekan Fakulti untuk pertimbangan dan kelulusan tidak lewat daripada 3 semester selepas perlantikan penyelia.
- 13.5 Laporan Penyelia/Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Laporan ini hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti Pendidikan dan salinannya dihantar kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik. Satu laporan sulit tentang kemajuan calon untuk sekurang-kurangnya dua kali setiap sesi sepanjang tempoh pengajiannya hendaklah disediakan oleh Penyelia/Pengerusi Jawatankuasa Siswazah.

14. Penilaian

- 14.1 Peperiksaan bagi calon Sarjana atau Doktor Falsafah yang mengikuti program secara penulisan tesis sahaja hendaklah mengandungi:
- 14.1.1 Pembentangan Usulan Penyelidikan, Kemajuan dan Pemantapan tesis.
 - 14.1.2 Satu tesis yang akan diperiksa oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah atau pemeriksa luar.
 - 14.1.3 Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis.
- 14.2 Penilaian bagi calon Sarjana Pendidikan yang mengikuti kerja kursus dan penulisan tesis hendaklah mengandungi:
- 14.2.1 Peperiksaan tentang kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester.
 - 14.2.2 Pembentangan usulan penyelidikan (jika diperlukan).
 - 14.2.3 Satu tesis yang akan diperiksa sama ada oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar sekiranya unit tesis tersebut melebihi 40% daripada keseluruhan unit program. Walau bagaimanapun, sekiranya unit tesis tersebut bernilai 40% atau kurang tesis tersebut akan diperiksa oleh Pemeriksa Dalam sahaja.
 - 14.2.4 Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- 14.3 Penilaian bagi calon sarjana pendidikan yang mengikuti program pengajian jenis kerja kursus dan projek/praktikum hendaklah mengandungi:
- 14.3.1 Peperiksaan tentang kerja kursus yang diikuti.
 - 14.3.2 Penulisan yang lengkap dan memuaskan tentang projek/kerja praktikum.
 - 14.3.3 Peperiksaan lisan di akhir pengajian.
- 14.4 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis
- Satu Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis hendaklah dianggotai:
- 14.4.1 Seorang Profesor Universiti atau Profesor Madya Universiti (yang dilantik oleh Naib Canselor) sebagai Pengerusi
 - 14.4.2 Dekan Fakulti/Pengarah Institut atau wakilnya;
 - 14.4.3 Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya
 - 14.4.4 Pemeriksa Luar (jika berkenaan); dan/atau
 - 14.4.5 Pemeriksa Dalam.
- 14.5 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi
- Satu Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi hendaklah dianggotai:
- 14.5.1 Seorang Profesor/Profesor Madya Universiti sebagai Pengerusi
 - 14.5.2 Dekan Fakulti/Pengarah Institut atau wakilnya;
 - 14.5.3 Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya
 - 14.5.4 Pemeriksa Luar (jika berkenaan); dan/atau
 - 14.5.5 Pemeriksa Dalam.

Nota: Penyelia seseorang calon hanya boleh turut hadir sebagai pemerhati dalam sesi peperiksaan lisan calonnya..

- 14.6 Taraf “Gagal dan Diberhentikan”
 Calon yang mengikuti pengajian boleh diberikan taraf “Gagal dan Diberhentikan Sebab Prestasi Akademik” jika calon memperoleh laporan kemajuan seperti berikut:
- 14.6.1 “dengan Ingatan” sebanyak empat kali sepanjang tempoh pengajian; atau
 - 14.6.2 “dengan Amaran” sebanyak dua kali sepanjang tempoh pengajian; atau
 - 14.6.3 Gabungan dua “dengan Ingatan” dan satu “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian; atau
 - 14.6.4 “Gagal dan Diberhentikan” pada mana-mana semester.
- 14.7 Tempoh Pembetulan Tesis
- 14.7.1 Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua adalah tiga (3) bulan.
 - 14.7.2 Bagi calon yang diberi tempoh pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama, dikehendaki menyerah tesis yang telah diperbaiki untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui peperiksaan lisan ulangan.
 - 14.7.3 Calon yang gagal menyerah tesis dalam tempoh maksimum adalah dianggap gagal dan akan diberi status “ Gagal dan Diberhentikan Sebab Kandas”.

15. Penilaian Kerja Kursus

- 15.1 Gred dan Nilai Gred
 Gred dan Nilai Gred untuk kerja kursus akan diberikan penilaian seperti berikut:

Markah	Gred	Nilai Gred	Taraf
80 - 100	A	4.00	Lulus dengan cemerlang
75 - 79	AM	3.67	Lulus dengan cemerlang
70 - 74	BP	3.33	Lulus dengan kepujian
65 - 69	B	3.00	Lulus dengan kepujian
60 - 64	BM	2.67	Lulus
55 - 59	CP	2.33	Lulus
50 - 54	C	2.00	Lulus
45 - 49	CM	1.67	Gagal
40 - 44	D	1.00	Gagal
0 - 39	E	0.00	Gagal

	SM	0.00	Sedang Maju
	L/K		Lulus/Kandas (Bagi kursus tanpa gred)
	TL		Tidak Lengkap
	AU		Audit
	TP		Tangguh Peperiksaan
	TD		Tarik Diri
	DK		Dikecualikan

15.2 Gred Tanpa Nilai Adalah Seperti Berikut:

- 15.2.1 L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “Lulus” atau “Kandas” sahaja;
- 15.2.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang tidak dapat melengkapkan keperluan kursus atas alasan manasabah. Calon perlu melengkapkan keperluan tersebut sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapatkan penilaian penuh dan gred. Gred tertinggi bagi pelajar yang mendapat TL adalah A-;
- 15.2.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi suatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred;
- 15.2.4 AU (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan AU tersebut hanya direkodkan sekiaranya calon lulus peperiksaan kursus itu;
- 15.2.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang menarik diri bagi sesuatu kursus di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti/Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah;
- 15.2.6 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang memohon untuk menangguhkam peperiksaan di bawah subperaturan 39(1). Peperiksaan gantian hendaklah

diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan calon;

15.3 Pengiraan Unit dan Purata Nilai Gred (PNG)

15.3.1 Kursus yang didaftarkan secara wajib akan diterima untuk pengiraan bagi memenuhi keperluan unit. Kursus yang diikuti secara audit, tanpa gred, yang menerima gred ‘TL’, atau kursus yang digugurkan, tidak akan dimasukkan dalam pengiraan unit. Hanya kursus yang mendapat Gred ‘C’ ke atas akan diambil kira sebagai memenuhi keperluan unit. Formula pengiraan bagi Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) adalah seperti berikut:

$$\text{PNG (K)} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

G = Nilai gred kursus ke-i

U = Nilai unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti

15.4 Taraf Pencapaian Akademik dan Syarat Meneruskan Pengajian

15.4.1 Taraf pencapaian akademik calon akan ditentukan mengikut Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada satu-satu tempoh pengajian dan ditentukan seperti berikut:

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Kelayakan Meneruskan Pengajian	Kelayakan Pengurniaan Ijazah
PNG > 3	Lulus	Layak	Layak
2 < PNG < 3	Lulus Bersyarat dan Diberi Taraf Percubaan	Percubaan	Tidak Layak
PNG < 2	Gagal dan diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak

15.4.2 Calon mestilah mencapai sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif 3.0 untuk satu-satu semester. Calon yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif kurang daripada 3.0

akan diberi status percubaan pada semester berikutnya bagi meningkatkan dirinya kepada sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif 3.0 pada akhir semester tersebut. Seseorang calon tidak akan diberi status percubaan dua semester berturut-turut di sepanjang tempoh pengajiannya. Calon yang tidak dapat meningkatkan dirinya kepada sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif 3.0 pada semester beliau diberi status percubaan akan dikehendaki meninggalkan program pengajiannya.

- 15.4.3 Kursus-kursus yang diberi Gred C- dan D masih dikira dalam menentukan Purata Nilai Gred bagi semester berkenaan dan dalam menentukan Purata Nilai Gred Kumulatif sehingga tamat pengajian. Kursus-kursus yang mendapat gred E juga masih dikira dalam menentukan Purata Nilai Gred Kumulatif semester berikutnya.
- 15.5 Syarat-syarat Untuk Mengulang Kerja Kursus
 - 15.5.1 Calon yang gagal dalam kursus yang didaftarkan sebagai wajib dikehendaki mengulang kursus berkenaan pada semester berikutnya tetapi markah yang diperolehi mestilah tidak lebih daripada gred lulus (BP) sahaja.
